

## **Konsep Mata Wang Kripto Sebagai Mata Wang Dari Perspektif Syariah**

Suffian Haqiem Nor Azelan<sup>1</sup>  
Asmak Ab Rahman<sup>2</sup>  
Mohd Shahid Mohd Noh<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

*Penggunaan teknologi baru dalam bidang kewangan ataupun fintech telah mengubah sistem-sistem kewangan sedia ada. Salah satu produk fintech yang memberi kesan kepada persekitaran kewangan global ialah mata wang kripto. Lebih daripada sepuluh ribu jenis mata wang kripto yang berbeza wujud sekarang, dengan jumlah nilai pasaran \$1.30 trilion. Mata wang kripto juga dilihat berpotensi untuk menjadi alternatif terhadap sistem mata wang sedia ada. Berdasarkan sejarah, sistem mata wang dunia berevolusi dan berubah sesuai dengan peredaran zaman dan kepesatan perkembangan teknologi. Timbul persoalan adakah mata wang kripto mampu untuk menggantikan mata wang sedia ada suatu hari nanti. Kajian ini akan membincangkan konsep mata wang kripto sebagai mata wang dari perspektif syariah.*

**Kata kunci:** *fintech, mata wang, mata wang kripto, syariah*

### **ABSTRACT**

*The use of new technology in the field of finance or fintech has changed the existing financial systems. One of the fintech products impacting the global financial environment is crypto currency. More than ten thousand different types of cryptocurrencies exist now, with a total market value of \$1.30 trillion. Cryptocurrencies are also seen as having the potential to be an alternative to existing currency systems. Based on history, the world's currency system evolves and changes with the passage of time and technological development. The question arises whether cryptocurrencies will be able to replace existing currencies one day. This study will examine the concept of cryptocurrency as a currency from a shariah perspective.*

**Keyword:** *fintech, currency, cryptocurrency, shariah*

---

<sup>1</sup> Calon PhD, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, [suffianhaqiem@um.edu.my](mailto:suffianhaqiem@um.edu.my)  
<sup>2</sup> Profesor Madya, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, [asmak@um.edu.my](mailto:asmak@um.edu.my)  
<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, [shahid82@um.edu.my](mailto:shahid82@um.edu.my)

## PENDAHULUAN

Mata wang merupakan aspek penting dalam kelancaran transaksi antara manusia. Ianya adalah salah satu nikmat Allah kepada manusia yang mesti digunakan mengikut ketetapan yang telah ditentukan-Nya. Manfaat wang bergantung kepada orang yang menggunakannya. Jika ia digunakan untuk perkara yang baik maka wang itu akan berguna dan jika wang itu digunakan untuk perkara yang tidak berguna, maka kerosakan akan diperoleh oleh pemiliknya. Mata wang merupakan suatu barangan atau objek yang diterima oleh masyarakat umum sebagai satu alat pertukaran yang diterima dalam kehidupan seharian manusia.<sup>4</sup> Mata wang dalam kehidupan manusia berfungsi sebagai alat untuk mengukur dan menentukan harga sesuatu barangan atau perkhidmatan. Di samping itu, mata wang juga menjadi medium bagi transaksi pertukaran barangan atau perkhidmatan.<sup>5</sup> Pada zaman moden ini, semua aktiviti ekonomi harian sama ada melibatkan urusan individu, masyarakat atau negara menggunakan mata wang sebagai alat pertukaran dan pengukur nilai.<sup>6</sup>

Sebagai sebuah inovasi penggugat dalam sektor kewangan, mata wang kripto mempunyai potensi yang besar untuk menjadi alternatif terhadap sistem mata wang sedia ada. Sejarah telah membuktikan bahawa sistem mata wang di dunia berubah dan berevolusi sesuai dengan kehendak dan perkembangan teknologi dalam masyarakat. Mata wang berevolusi daripada mata wang berasaskan komoditi, emas, perak sehinggalah mata wang fiat dan elektronik yang digunakan sekarang. Tidak mustahil bahawa sistem mata wang fiat yang digunakan pada masa kini boleh digantikan dengan sistem mata wang yang baru seperti mata wang kripto.<sup>7</sup> Namun begitu, timbul persoalan adakah mata wang kripto boleh menjalankan fungsi seperti mata wang sedia ada bagi melancarkan aktiviti dan transaksi kewangan pada zaman moden ini.

Dari aspek syariah pula, adakah mata wang kripto ini diharuskan dan memenuhi spesifikasi mata wang menurut syariah. Terdapat beberapa perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana Islam mengenai penggunaan dan status mata wang yang digunakan. Sebahagian sarjana Islam berpendapat bahawa mata wang yang diterima Islam adalah emas dan perak. Selain itu, terdapat juga sarjana Islam yang menyatakan mata wang haruslah disandarkan kepada emas dan perak. Pandangan sarjana Islam yang lain adalah mata wang selain emas dan perak boleh digunakan berdasarkan adat dan kebiasaan dalam masyarakat. Hal ini kerana nas-nas Al-Quran dan Sunnah tidak mengehadkan mata wang hanya kepada emas dan perak.<sup>8</sup> Para sarjana Islam semasa juga berbeza pendapat berhubung keharusan penggunaan mata wang kripto sebagai mata wang dari perspektif syariah.

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan penyelidikan kualitatif diguna pakai untuk mencapai objektif kajian ini. Penyelidikan kualitatif sesuai digunakan dalam kajian ini memandangkan kajian ini membincangkan konsep mata wang kripto sebagai mata wang dari perspektif syariah. Untuk mendapatkan maklumat mengenai mata wang kripto dari perspektif syariah, penyelidik mengkaji penulisan sarjana Islam klasik dan kontemporari yang terkemuka dalam membincangkan mata wang dan isu-isu berkaitan yang diperlukan dalam kajian

---

<sup>4</sup> Amalia, Euis. *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam: dari masa klasik hingga kontemporer*. Pustaka Asatruss, 2005.

<sup>5</sup> Davies, Glyn. *History of money*. (Cardiff : University of Wales Press, 2010), 27-28.

<sup>6</sup> Miller, Roger LeRoy, and David D. VanHoose. *Modern money and banking*. (New York: McGraw-Hill College, 1993), 56.

<sup>7</sup> Mahomed, Ziyaad. "Crypto mania: the Shariah verdict." (2018).

<sup>8</sup> Abdullah, Adam. *The Islamic Currency*. (Kuala Lumpur: International Council of Islamic Finance Educators, 2016), 39.

ini. Data dan maklumat berkaitan mata wang kripto dari perspektif syariah diperoleh daripada pendapat ulama kontemporari, fatwa, jurnal dan kertas persidangan. Selain itu, maklumat dan data tentang konsep mata wang kripto di kumpul melalui pelbagai sumber seperti buku, jurnal, laporan, kertas persidangan dan beberapa laman sesawang yang boleh dipercayai. Dalam pengumpulan data, penyelidik memberi tumpuan kepada sumber rujukan yang relevan dan berguna untuk memenuhi objektif penyelidikan. Penyelidikan ini melihat pendapat yang mengharuskan dan juga yang mengharamkan mata wang kripto sambil mempertimbangkan pandangan kedua-duanya dengan adil dan saksama. Pendekatan penyelidikan penjelasan digunakan bagi menganalisis data dalam penyelidikan ini. Pendekatan ini membantu penyelidik untuk memahami subjek kajian dengan lebih meluas dan mendalam.<sup>9</sup> Dalam penyelidikan ini, pendekatan penyelidikan penjelasan membantu penyelidik untuk menghuraikan kedua-dua konsep mata wang menurut syariah serta mata wang kripto. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan meneliti maklumat yang ada untuk melihat perspektif syariah terhadap mata wang kripto sebagai mata wang.

## KAJIAN LITERATUR

### Sejarah Perubahan dan Perkembangan Mata Wang

Sejak dahulu lagi, manusia telah bereksperimen menggunakan pelbagai jenis mata wang. Pada peringkat pertama perkembangan mata wang, peniaga mula menggunakan komoditi berharga yang menjadi permintaan umum dalam masyarakat serta boleh digunakan dengan mudah sebagai medium pertukaran kepada penjual lain. Contoh komoditi yang telah digunakan sebagai wang sepanjang sejarah termasuklah barli, biji koko, barli, garam, jagung, tembakau, beras dan makanan ruji lain yang serupa.<sup>10</sup> Namun begitu, mata wang berbentuk komoditi ini mempunyai beberapa kelemahan tersendiri iaitu mudah rosak, tidak tahan lama, tidak diterima secara meluas, sukar dibawa dan sukar disimpan. Seterusnya mata wang komoditi digantikan dengan mata wang berasaskan logam berharga seperti emas dan perak. Akhirnya, dunia menerima wang kertas sebagai medium pertukaran barangan dan perkhidmatan. Walaupun menerima tentangan dan kritikan semasa awal pengenalannya pada awal 90-an, mata wang kertas kekal menjadi mata wang utama sehingga hari ini.<sup>11</sup>

Sebahagian besar artifak sejarah dan penggalian arkeologi membuktikan kepada kita bahawa mata wang yang digunakan pada zaman pertengahan ialah syiling logam - dengan emas dan perak menjadi duo logam yang dominan. Dinar emas merupakan mata wang yang digunakan di bawah Empayar Byzantine sebagai mata wang utama, manakala dirham perak digunakan di Empayar Parsi. Kerajaan Islam yang mula bertapak di Semenanjung Tanah Arab ketika itu menerima kedua-dua wang tersebut sebagai mata wang utama dan tidak mengeluarkan mata wang sendiri. Rasulullah SAW juga tidak membantah penggunaan dinar dan dirham yang digunakan masyarakat Mekah semenjak zaman jahiliah lagi. Kurang daripada setengah abad selepas penaklukan empayar Rom dan Parsi, negara Islam secara rasmi memulakan proses mencetak dinar dan dirham Islam.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup> Jonker, Jan, and Bartjan Pennink. *The essence of research methodology: A concise guide for master and PhD students in management science*. Springer Science & Business Media, 2010.

<sup>10</sup> Brown, Ellen Hodgson. *Web of Debt: The Shocking Truth about Our Money System--the Sleight of Hand that Has Trapped Us in Debt and how We Can Break Free*. Ellen Brown, 2007.

<sup>11</sup> Shapiee, Rohimi, and Anowar Zahid. "Addressing economic meltdown: an evaluation of fiat and credit money from Islamic perspective." *US-China L. Rev.* 11 (2014): 182.

<sup>12</sup> Sifat, Imtiaz Mohammad, and Azhar Mohamad. "From metal to paper: validating paper money from Islamic perspective." *International Journal of Ethics and Systems* 34, no. 1 (2018): 2-19.

Perbincangan klasik mengenai asal usul mata wang berubah dengan pengenalan mata wang kertas yang semakin meluas. Seawal abad kesembilan belas, wang kertas difahami sebagai mewakili rizab emas dengan pihak berkuasa iaitu kerajaan sebagai pengawal selia berpusat. Walau bagaimanapun, pada abad kedua puluh, wang kertas tidak lagi menjadi wakil atau disandarkan nilainya kepada emas pada tahun 1970-an apabila perjanjian Bretton Woods runtuh. Sehingga kini, tiada negara di dunia mengeluarkan mata wang yang disandarkan kepada emas atau perak. Wang kertas kini mendominasi urusan niaga ekonomi dan membentuk standard ukuran ekonomi dunia yang seragam.<sup>13</sup>

Pada masa kini, mata wang tidak hanya terhad kepada mata wang berbentuk fizikal semata-mata. Perkembangan kemajuan sistem kewangan sedia ada dari segi keluasan jaringan, kepantasan transaksi, capaian kepada transaksi yang lebih mudah dan pembiayaan berskala besar melalui *crowd funding* adalah selari dengan perkembangan sistem kewangan digital di dunia. Sektor yang menerima kesan positif dari perkembangan ini adalah perbankan, pembayaran dan pemindahan wang atas talian, pelaburan dan pengurusan harta, insurans serta teknologi *blockchain*. Antara hasil perkembangan sektor ini adalah penggunaan mata wang yang bersifat digital dan tidak mempunyai bentuk fizikal.<sup>14</sup>

### **Mata Wang Kripto**

Mata wang kripto merupakan salah satu hasil inovasi fintech yang makin diterima secara meluas di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Perkembangan mata wang kripto memberi kesan kepada ekonomi sedia ada sama ada dari sudut positif mahupun negatif. Sebagai mata wang baru yang dikatakan boleh menjadi alternatif kepada sistem mata wang sedia ada, kemampuan mata wang kripto untuk menjalankan fungsi sebagai mata wang masih menjadi perbincangan. Adakah mata wang kripto boleh berperanan sebagai perantara pertukaran, pengukur nilai dan penyimpan nilai seperti mata wang sedia ada yang digunakan pada masa kini.<sup>15</sup>

Kemunculan *Bitcoin* pada tahun 2009 merupakan batu loncatan penggunaan dan penerimaan terhadap mata wang kripto yang makin meluas di dunia. Menurut Satoshi Nakamoto, wang tunai elektronik berasaskan *peer-to-peer* membolehkan satu pihak melakukan pembayaran secara dalam talian kepada pihak yang lain secara terus tanpa perlu melalui medium perantaraan seperti institusi kewangan. Berbeza dengan mata wang fiat yang diterbitkan dan dikawal selia oleh kerajaan, mata wang kripto mempunyai ciri-ciri yang sebaliknya.<sup>16</sup>

Mata wang kripto seperti *Bitcoin*, *Ethereum*, *XRP*, *Bitcoin cash* dan *Tether* merupakan antara mata wang yang berasaskan sistem *peer-to-peer*. Mata wang kripto merupakan mata wang yang bersifat digital dan bukannya fizikal seperti wang kertas yang ada pada hari ini. Istilah kripto merujuk kepada kriptografi yang merupakan instrumen yang digunakan dalam *blockchain* bagi membolehkan mata wang tersebut berfungsi sebagai medium pertukaran atau penyimpan nilai.<sup>17</sup> Kebanyakan mata wang kripto ditawarkan dalam jumlah yang terhad supaya mempunyai daya tahan terhadap

---

<sup>13</sup> *Ibid*

<sup>14</sup> Mahomed, Ziyaad, and Shamsheer Mohamad. "financial Innovation and riding the fintech Wave." (2016).

<sup>15</sup> Böhme, Rainer, Nicolas Christin, Benjamin Edelman, and Tyler Moore. "Bitcoin: Economics, technology, and governance." *Journal of economic Perspectives* 29, no. 2 (2015): 213-238.

<sup>16</sup> Nakamoto, Satoshi. "Bitcoin: A peer-to-peer electronic cash system." *Decentralized business review* (2008): 21260.

<sup>17</sup> Mahomed, Ziyaad. "Crypto mania: the Shariah verdict." (2018).

inflasi dan boleh diperolehi dengan cara-cara tertentu seperti melalui perdagangan atau *mining*.<sup>18</sup>

### **Konsep Mata Wang Menurut Perspektif Syariah**

Al-Ghazali, Ibn Taimiyah, Ibn Khaldun dan Al-Maqrizi merupakan antara sarjana Islam yang membahaskan tentang mata wang dari perspektif Islam. Wang merupakan medium pertukaran dan bukannya sebagai barang dagangan dalam pandangan Islam. Pada asasnya, wang itu sendiri tidak mempunyai faedah. Menurut al-Ghazali, wang adalah seperti cermin yang tidak dapat memantulkan dirinya, tetapi dapat memantulkan segala warna yang masuk ke dalamnya. Begitu juga dengan wang, ianya tidak diinginkan kerana wang itu sendiri, namun ianya diperlukan untuk memenuhi keperluan sebagai medium pertukaran dan transaksi ekonomi.<sup>19</sup> Menurut syariah, mata wang mestilah bebas daripada unsur-unsur haram seperti riba, *gharar* dan *maysir*.

Menurut Imam Malik bin Anas, penerimaan masyarakat merupakan elemen utama untuk sesuatu dianggap sebagai mata wang. Beliau juga menyatakan bahawa mata wang adalah sesuatu yang diterima sebagai alat pertukaran. Menurut Mazhab Maliki, jika masyarakat bersetuju untuk menganggap kulit haiwan sebagai mata wang, maka ianya tidak boleh ditukarkan kepada emas dan perak secara bertanggung.<sup>20</sup> Selain itu, Ibn Taymiyyah berpendapat bahawa Islam tidak menggariskan secara khusus ciri-ciri dan bentuk sesuatu mata wang. Beliau menyatakan bahawa kebiasaan dan adat setempat sebagai kuasa untuk menentukan sesuatu sebagai mata wang. Begitu juga, Al-Ghazali juga berpendapat bahawa apa sahaja yang dipersetujui dalam sesebuah masyarakat boleh diterima sebagai mata wang, termasuk juga kepingan kayu atau batu.<sup>21</sup> Ini bercanggah dengan dakwaan golongan dinaris bahawa hanya emas dan perak mempunyai hak eksklusif sebagai mata wang. Mereka juga berpendapat bahawa Islam menetapkan mata wang yang sah di sisi syarak adalah emas dan perak sahaja.<sup>22</sup> Al-Maqrizi juga menolak penggunaan mata wang lain dan menegaskan bahawa hanya dinar emas dan dirham perak boleh digunakan sebagai mata wang dalam Islam.<sup>23</sup>

Menurut Ibn Taimiyah, mata wang mempunyai dua fungsi utama iaitu sebagai medium pertukaran dan pengukur nilai. Ianya tidak mempunyai kelebihan tersendiri kecuali digunakan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan lain.<sup>24</sup> Sesuatu yang diterima sebagai mata wang bergantung kepada penerimaan dan kebiasaan masyarakat.<sup>25</sup> Seterusnya, mata wang tidak boleh diniagakan untuk mendapatkan keuntungan seperti komoditi yang lain. Pertukaran mata wang juga mestilah dilakukan secara tunai atau terus tanpa tangguh (*taqabudh*). Keadilan dalam mata wang

---

<sup>18</sup> Oziev, Gapur, and Magomet Yandiev. "Cryptocurrency from Shari'ah perspective." *Available at SSRN 3101981* (2017).

<sup>19</sup> Yusof, Mohd Faiz Mohamed, Joni Tamkin Borhan, and Nurhanani Romli. "Pemikiran ekonomi al-Ghazali dalam teori kewangan (the al-Ghazali economic thought in the financial theory)." *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3, no. 3 (2016).

<sup>20</sup> Bubandt, Nils. "Gold for a golden age: sacred money and Islamic freedom in a global Sufi order." *Social Analysis* 53, no. 1 (2009): 103-122.

<sup>21</sup> Islahi, Abdul Azim. "An analytical study of al-Ghazali's thought on money and interest." (2001): 1-13.

<sup>22</sup> Hosein, Imrān Nazar. *The Gold Dinar & Silver Dirham: Islam and the Future of Money*. Masjid Jāmi'ah, City of San Fernando, 2007.

<sup>23</sup> Suar, Abi, Meirison Meirison, Elfia Elfia, and Ilda Hayati. "Al Maqrizi's View on Islamic Economy and Its Relevance to Covid-19 Pandemic in Indonesia." *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat* 20, no. 1 (2020): 83-96.

<sup>24</sup> Ibn Taymiah, Majmu', *Fatawa Ibn Taimiyah*, (Beirut, Dar al-Fikr, 1998).

<sup>25</sup> Abdul Rahman A Shukor and Joni Tamkin Borhan, "Konsep Wang Dan Al-Sarf Menurut Perspektif Syariah," *Al-Basirah* 7, (2017): 75.

merupakan aspek penting bagi penentuan harga dalam pasaran. Mata wang perlu dikawal oleh pemerintah kerana fungsi mata wang sebagai pengukur harga amat penting bagi menentukan nilai sesuatu barangan atau perkhidmatan dalam pasaran. Percetakan wang secara berlebihan adalah zalim kerana akan menyebabkan nilai mata wang itu jatuh. Ibn Taimiyah juga memperkenalkan teori peredaran wang buruk dalam pasaran akan menyingkirkan wang baik sekaligus menyebabkan berlakunya inflasi dan kepercayaan masyarakat terhadap mata wang yang dikeluarkan kerajaan berkurang.<sup>26</sup>

Fungsi utama mata wang menurut Ibn Khaldun adalah sebagai medium pertukaran, pengukur nilai dan penyimpan nilai. Beliau menyatakan emas dan perak merupakan anugerah Allah kepada manusia. Emas dan perak tidak mempunyai nilai intrinsik menurut beliau, tetapi merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia sebagai pengukur nilai dan medium pertukaran. Mata wang juga tidak terhad kepada emas dan perak sahaja. Namun keduanya merupakan penanda asas yang kukuh bagi menentukan nilai sesuatu berbanding logam lain dan juga diiktiraf oleh pemerintah.<sup>27</sup> Menurut Al-Maqrizi, mata wang yang paling stabil adalah emas dan perak. Beliau menyeru pemerintah pada zamannya untuk menggunakan dinar dan dirham sebagai mata wang utama dalam pasaran.<sup>28</sup> Beliau juga mempunyai pendapat yang sama dengan Ibn Taimiyah bahawa peredaran wang buruk iaitu *fulus* dalam pasaran akan menyingkirkan wang baik (dinar emas dan dirham perak).<sup>29</sup>

Menurut pandangan syariah, emas, perak, wang kertas, logam, cengkerang, kulit haiwan dan sebagainya boleh diterima sebagai mata wang. Mata wang juga tidak semestinya mempunyai nilai intrinsik seperti wang kertas. Fungsi medium pertukaran merupakan aspek yang penting bagi sesuatu mata wang. Selain penerimaan masyarakat, sesuatu boleh diterima sebagai mata wang sekiranya ia diiktiraf oleh kerajaan yang memerintah. Penglibatan kerajaan dalam hal ehwal berkaitan mata wang adalah penting bagi memastikan nilainya stabil dan selamat digunakan masyarakat dalam pasaran ekonomi.<sup>30</sup> Mata wang di sisi Islam melibatkan hal-hal seperti perkahwinan, pembayaran fidyah, zakat, *diat* dan hutang. Menurut Monzer Kahf, mata wang perlu diregulasi dan dikeluarkan oleh kerajaan. Hanya kerajaan yang boleh mengiktiraf sesuatu mata wang sebagai alat pembayaran yang sah dalam negara. Pengawasan kerajaan terhadap mata wang bertujuan menjaga kemaslahatan kewangan rakyat. Selain itu, beliau menekankan kepentingan nilai yang stabil dan tidak mudah meruap bagi sesuatu mata wang.<sup>31</sup> Nilai mata wang yang tidak stabil dan mudah meruap memberi kesan negatif kepada ekonomi dan masyarakat.

Dalam ekonomi Islam, wang adalah alat pertukaran dan unit akaun. Namun begitu, wang bukanlah satu komoditi yang boleh diperdagangkan seperti barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi. Perdagangan mata wang akan merosakkan fungsi mata wang sendiri sebagai medium pertukaran.<sup>32</sup> Sebagai medium pertukaran, wang tidak

<sup>26</sup> Abdul, Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyah*, (Leicester: Islamic Foundation, 1988), 143.

<sup>27</sup> Ibn Khaldun. *Al-Muqaddimah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1988).

<sup>28</sup> Suar, Abi, Meirison Meirison, Elfia Elfia, and Ilda Hayati, "Al Maqrizi's View on Islamic Economy and Its Relevance to Covid-19 Pandemic in Indonesia." *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat* 20, (2020): 86.


<sup>29</sup> *The Islamic Currency*, 53.

<sup>30</sup> al-Mani, A. S, *Paper money: its reality, history, value and legal ruling*, Terj. Usama Hasan (Saudi Arabia: Supreme Judicial College, 1984), 12.

<sup>31</sup> Monzer Kahf, *Fiscal and monetary policies in an Islamic Economy, Monetary and Fiscal Policy of Islam*, (Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University, 1982): 125-140.

<sup>32</sup> Islam, Muhammad Hifdil. "Ibnu Taimiyah and His Concept of Economy." *Iqtishoduna: Jurnal Ekonomi Islam* 5, no. 1 (2016): 15-33.

boleh disimpan tanpa dimanfaatkan. Wang mesti terus mengalir, beredar dan berputar dalam masyarakat untuk digunakan dalam aktiviti ekonomi. Kegiatan penimbunan wang akan memberikan kesan yang negatif kepada produktiviti ekonomi masyarakat. Wang yang ditimbunkan tidak memberi manfaat kerana ianya tidak digunakan dalam aktiviti ekonomi masyarakat.<sup>33</sup>



**Rajah 1.** Konsep Mata Wang Menurut Syariah

### **Mata Wang Kripto Dari Perspektif Syariah**

Inovasi berasaskan teknologi yang berkait rapat dengan sektor kewangan pada masa ini telah mewujudkan sistem penggunaan mata wang yang baru. Selain mata wang kertas, masyarakat mula beralih arah menggunakan mata wang yang bersifat digital seperti e-money dan mata wang kripto. Sistem kewangan tradisional telah berubah dengan kehadiran teknologi kewangan ataupun dikenali dengan istilah fintech. Kewangan Islam juga beradaptasi dengan fintech dan mengambil manfaat darinya selagi tidak mempunyai unsur-unsur yang haram seperti riba, judi, *gharar*, penipuan dan sebagainya. Berdasarkan prinsip syariah Islam, asas dalam muamalat adalah harus melainkan ada dalil yang melarang perkara tersebut. Prinsip ini memberi ruang yang luas dan fleksibel bagi inovasi dalam produk dan amalan kewangan Islam. Sehubungan itu, pada asasnya mata wang kripto merupakan sesuatu yang harus dalam Islam.<sup>34</sup>

Pandangan sarjana dan institusi agama terhadap mata wang kripto banyak mengambil Bitcoin sebagai contoh kerana ianya merupakan mata wang kripto yang paling mendapat perhatian ramai. Muntadā al-Iqtisād al-Islāmi dan Darul Ulum Zakaria Afrika Selatan mengharuskan penggunaan Bitcoin dan menerimanya sebagai harta yang *mutaqawwim*.<sup>35</sup> Monzer Kahf menyatakan bahawa Bitcoin sah digunakan seperti

<sup>33</sup> Ghazanfar, S. Mohammad, and Abdul Azim Islahi. "Economic thought of al-Ghazali." *Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdulaziz Univesity* (1997).

<sup>34</sup> Laldin, Mohamad Akram, and Hafas Furqani. "FinTech and Islamic Finance." *Fintech in Islamic Finance: Theory and Practice* (2019).

<sup>35</sup> Abubakar, Yusuf Sani, Ahmad Faosiy Ogunbado, and Mpawenimana Abdallah Saidi. "Bitcoin and its legality from Shariah point of view." *SEISENSE Journal of Management* 1, no. 4 (2018): 13-21.

mata wang lain dan harus mengikut rukun-rukun barang ribawi.<sup>36</sup> Menurut Daud Bakar, risiko-risiko yang ada pada mata wang kripto seperti nilai yang tidak stabil, terdedah kepada aktiviti jenayah dan sebagainya tidak menjadikan mata wang kripto haram di sisi syarak. Malahan penggunaan mata wang kripto lebih menepati maqasid syariah berbanding mata wang fiat yang digunakan sekarang.<sup>37</sup> Ali al-Qaradaghi menyatakan bahawa mata wang kripto boleh menjadi patuh syariah dengan beberapa syarat iaitu adanya badan yang mengawal selia, menjadi mata wang alternatif dan diterbitkan bank pusat atau syarikat persendirian yang dikawal selia kerajaan.<sup>38</sup>

Terdapat sebahagian pendapat yang menolak dan mengharamkan mata wang kripto di sisi syarak. Dār al-Iftā' al-Misriyyah mengharamkan mata wang kripto kerana ianya tidak diterbitkan mana-mana kerajaan dan bukannya alat pembayaran yang diterima umum. Begitu juga Dār al-Iftā' al-Filistiniyyah dan Majlis Ulama Afrika Selatan yang menolak penggunaan mata wang kripto seperti Bitcoin kerana ianya tidak mempunyai nilai monetari, tidak dikeluarkan kerajaan dan tidak boleh digunakan sebagai mata wang yang sah.<sup>39</sup> *Turkey Directorate of Religious Affairs* (Diyonet) pula menyatakan mata wang kripto adalah tidak patuh syariah kerana tidak dikawal selia kerajaan, terdedah kepada spekulasi dan kegiatan jenayah seperti pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan.<sup>40</sup> Zulkifli Mohamad, bekas Mufti Wilayah Persekutuan mengeluarkan fatwa bahawa Bitcoin tidak memenuhi ciri-ciri mata wang Islam dan boleh memberikan impak negatif kepada ekonomi negara. Namun fatwa ini boleh berubah jika struktur aplikasi Bitcoin ditambah baik dari sudut keselamatan, kawal selia, pengeluaran dan kestabilan nilai.<sup>41</sup>

### PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan pandangan sarjana Islam berkaitan konsep mata wang menurut syariah, tiada hukum atau dalil yang putus (qat'ie) tentang ciri-ciri, fungsi, jenis atau bentuk mata wang. Mata wang boleh datang dalam pelbagai jenis dan bentuk seperti logam, gandum, wang kertas mahupun wang digital serta tidak hanya terhad kepada emas dan perak sahaja. Namun begitu, para sarjana Islam sepakat bahawa penggunaan mata wang mestilah bebas daripada unsur haram seperti riba, perjudian dan kesamaran (*gharar*). Sebagai barangan ribawi, transaksi melibatkan mata wang haruslah mematuhi rukun-rukun *sarf* yang ditetapkan berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan 'Ubadah Bin al-Somit RA yang bermaksud;

*“Emas dijual dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, timbangan dan beratnya mesti sama, dibayar secara serta-merta (bukan bertangguh). Namun, jika jenis dan kategori barangnya berbeza, maka berjual belilah*

<sup>36</sup> Monzer Kahf, “Fatawa money exchange, Bitcoin, gold, sarf”, diakses 11.9.2022 [http://monzer.kahf.com/fatawa/FATAWA\\_CURRENCIES\\_GOLD\\_COMMODITIES.pdf](http://monzer.kahf.com/fatawa/FATAWA_CURRENCIES_GOLD_COMMODITIES.pdf)

<sup>37</sup> Rani, Muhammad Amir Husairi Che, And Ahmad Dahlan Salleh. "Bitcoin: Analisis Mata Wang Maya Menurut Perspektif Siyāsah Shar'iyah." *Journal of Contemporary Islamic Law* 4, no. 1 (2019): 29-40.

<sup>38</sup> Adam, Faraz. "The Shariah factor in cryptocurrencies and tokens." *Shariah Review Bureau. The Central Bank of Bahrain* (2018).

<sup>39</sup> Abubakar, Yusuf Sani, Ahmad Faosiy Ogunbado, and Mpawenimana Abdallah Saidi. "Bitcoin and its legality from Shariah point of view." *SEISENSE Journal of Management* 1, no. 4 (2018): 13-21.

<sup>40</sup> Adam, Faraz. "Fatawa analysis of bitcoin." *Halal cryptocurrency management* (2019): 133-147.

<sup>41</sup> Zulkifli, “Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin”, laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 24.10.2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>



*mengikut yang kamu kehendaki dengan syarat mesti dibayar secara serta-merta (on the spot)".*

*Hadis Muslim (1587)<sup>42</sup>*

Di samping itu, sarjana Islam bersetuju bahawa mata wang dilarang untuk diperdagangkan seperti komoditi lain, hasil keuntungan daripada jual beli mata wang adalah riba. Seterusnya, mata wang haruslah beredar dalam pasaran ekonomi dan tidak boleh ditimbunkan (*ihtikar*) kerana ianya menyalahi fungsi mata wang itu sendiri. Selain itu, mata wang tidak terhad kepada sesuatu yang mempunyai nilai intrinsik sahaja seperti mana mata wang fiat yang digunakan pada masa kini juga tidak mempunyai nilai intrinsik. Justeru, apa-apa yang bernilai boleh diterima sebagai mata wang jika memenuhi syarat-syarat dan ciri-ciri yang ditetapkan syariah.

Pada masa ini, mata wang kripto belum lagi dianggap sebagai mata wang, sehubungan itu ianya tidak terikat kepada hukum ribawi dan hukum *sarf*. Jika dianggap sebagai mata wang, mata wang kripto perlu mematuhi hukum tersebut. Selain itu, terdapat sarjana dan institusi Islam yang menyatakan mata wang kripto terdedah kepada unsur perjudian dan *gharar* kerana harganya yang mudah meruap dan tidak stabil memberi risiko yang tinggi kepada pengguna. Menurut Daud Bakar, risiko yang ada dalam mata wang kripto tidak membawa elemen *gharar* di dalam mata wang kripto. Risiko tidak mempunyai kesan ke atas hukum sesuatu perkara serta merupakan perkara biasa dalam setiap pelaburan, perniagaan dan lain-lain bidang. Harga mata wang kripto yang mudah meruap dan tidak stabil tidak menjadikannya haram.<sup>43</sup>

Dari aspek fungsi, ulama bersepakat bahawa fungsi utama mata wang adalah sebagai medium pertukaran. Antara yang berpandangan seperti itu ialah Al-Ghazali, Ibn Taymiah, Ibnul Qayyim, Raghīb Al-Ashbahani, Ibn Khaldun, dan Al-Maqrizi secara jelas menyatakan bahawa fungsi utama mata wang adalah sebagai alat pertukaran.<sup>44</sup> Selain itu, mata wang di dalam Islam juga berfungsi sebagai pengukur nilai bagi sesuatu barangan yang berharga. Al-Ghazali menyatakan bahawa Allah menciptakan emas dan perak sebagai hakim dan pengukur nilai terhadap harta.<sup>45</sup> Sebagai medium pertukaran, mata wang berfungsi untuk memudahkan transaksi pertukaran barangan atau perkhidmatan dalam kalangan pengguna.

Oleh itu, mata wang mesti mempunyai ciri-ciri berikut iaitu diterima oleh majoriti dalam kumpulan di rantau tertentu, stabil dan tidak mudah berubah secara ekstrem serta dipercayai oleh penggunaanya. Mata wang kripto seperti Bitcoin digunakan sebagai alat pembayaran dalam komuniti tertentu walaupun ianya bukan *legal tender* yang dikeluarkan oleh mana-mana kerajaan. Beberapa syarikat besar di dunia seperti Tesla, Uber, PayPal, Microsoft, Mastercard dan Apple sudah

---

<sup>42</sup> Hadis Riwayat Muslim, Kitab Al-Musaqah, no. hadith 1587.

<sup>43</sup> Yaakob, Mohd Faiz Mohd, Aliff Nawi, and Raja Rizal Iskandar Raja Hisham. "Persediaan Institusi Zakat Menggunakan Mata Wang Kripto (Bitcoin)." *Journal website: journal. zakatkedah. com. my* 1, no. 2 (2019).

<sup>44</sup> Wartoyo, Wartoyo, and Alvien Septian Haerisma. "Cryptocurrency in The Perspective of Maqasid Al-Shariah." *Afkaruna: Indonesian Interdisciplinary Journal of Islamic Studies* 18, no. 1 (2022): 110-139.

<sup>45</sup> Shukor, Abdul Rahman A., and Joni Tamkin Borhan. "Konsep Wang dan al-Sarf Menurut Perspektif Syariah." *ALBASIRAH JOURNAL* 7, no. 2 (2017): 69-85.

pun menerima mata wang kripto seperti Bitcoin sebagai medium pembayaran.<sup>46</sup> Namun begitu, harga barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan masih diukur dengan mata wang fiat. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa mata wang kripto boleh berfungsi sebagai medium pertukaran sempurna bagi memperoleh barangan dan perkhidmatan. Seterusnya sebagai pengukur nilai, mata wang kripto tidak memainkan peranan sebagai unit akaun dan pengukur nilai yang sempurna kerana nilainya yang tidak stabil, tidak diterima secara meluas dan nilai yang tidak seragam.<sup>47</sup>

Mata Wang Syariah	Mata Wang Kripto
Bebas dari unsur haram	Bergantung kepada cara penggunaan dan transaksi yang dilakukan. Boleh dikawal dengan mekanisme tertentu.
Penerimaan masyarakat	Hanya diterima pakai oleh komuniti tertentu sahaja.
Dikawal kerajaan	Tidak dikawal oleh kerajaan.
Nilai yang stabil	Nilai yang mudah meruap.
Medium pertukaran	Diterima sebagai medium pertukaran oleh sebahagian pengguna dan peniaga.
Pengukur nilai	Tidak boleh berfungsi sebagai pengukur nilai yang baik.

**Jadual 1.** Mata wang kripto sebagai mata wang dari perspektif syariah

### KESIMPULAN

Berdasarkan pandangan beberapa sarjana Islam tentang mata wang, dapat disimpulkan bahawa mata wang dalam Islam tidak hanya terhad kepada emas dan perak sahaja. Selain dinar dan dirham, mata wang juga boleh terdiri daripada logam berharga seperti tembaga dan gangsa, wang kertas yang disandarkan kepada emas, perak atau aset bernilai yang lain, dan wang fiat atau wang digital yang digunakan pada masa ini. Sehubungan itu, mata wang kripto berpotensi untuk menggantikan mata wang sedia pada masa hadapan. Mata wang menurut syariah secara umumnya berfungsi sebagai alat pertukaran dan pengukur nilai bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Berdasarkan fungsi mata wang menurut syariah yang telah digariskan, mata wang kripto masih belum boleh menjalankan fungsi sebagai medium pertukaran dan pengukur nilai yang sempurna. Peranan dan penglibatan kerajaan atau pemerintah dalam hal ehwal mata wang termasuklah pengeluaran dan percetakan adalah penting bagi memastikan salah satu elemen maqasid syariah iaitu keselamatan harta masyarakat terjaga. Kerajaan berperanan untuk menjadikan mata wang mendapat kepercayaan masyarakat, mempunyai nilai yang stabil dan selamat digunakan di dalam pasaran ekonomi. Mata wang kripto pada asalnya dicipta untuk keluar daripada kawalan kerajaan berpusat. Namun begitu, ianya juga berkembang dan berubah kepada pelbagai jenis termasuklah mata wang kripto yang boleh dikawal oleh kerajaan seperti *Central Bank Digital Currency* (CBDC). Kesimpulannya, mata wang kripto mempunyai potensi untuk menjadi alternatif ataupun pelengkap kepada sistem mata wang sedia ada jika ianya mematuhi aspek syariah dan fungsi mata wang yang telah digariskan.

<sup>46</sup> England, Catherine, and Craig Fratrick. "Where to bitcoin?." *Journal of Private Enterprise* 33, no. 1 (2018).

<sup>47</sup> Quoc, Nguyen Anh. "The nature of money." *Linguistics and Culture Review* 5, no. S3 (2021): 619-634.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman A Shukor and Joni Tamkin Borhan, "Konsep Wang Dan Al-Sarf Menurut Perspektif Syariah," *Al-Basirah* 7, (2017): 75.
- Abdul, Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyah*, (Leicester: Islamic Foundation, 1988), 143.
- Abdullah, Adam. *The Islamic Currency*. (Kuala Lumpur: International Council of Islamic Finance Educators, 2016), 39.
- Abubakar, Yusuf Sani, Ahmad Faosiy Ogunbado, and Mpawenimana Abdallah Saidi. "Bitcoin and its legality from Shariah point of view." *SEISENSE Journal of Management* 1, no. 4 (2018): 13-21.
- Adam, Faraz. "Fatawa analysis of bitcoin." *Halal cryptocurrency management* (2019): 133-147.
- Adam, Faraz. "The Shariah factor in cryptocurrencies and tokens." *Shariah Review Bureau*. The Central Bank of Bahrain (2018).
- al-Mani, A. S, *Paper money: its reality, history, value and legal ruling*, Terj. Usama Hasan (Saudi Arabia: Supreme Judicial College, 1984), 12.
- Amalia, Euis. *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam: dari masa klasik hingga kontemporer*. Pustaka Asatruss, 2005.
- Böhme, Rainer, Nicolas Christin, Benjamin Edelman, and Tyler Moore. "Bitcoin: Economics, technology, and governance." *Journal of economic Perspectives* 29, no. 2 (2015): 213-238.
- Brown, Ellen Hodgson. *Web of Debt: The Shocking Truth about Our Money System--the Sleight of Hand that Has Trapped Us in Debt and how We Can Break Free*. Ellen Brown, 2007.
- Bubandt, Nils. "Gold for a golden age: sacred money and Islamic freedom in a global Sufi order." *Social Analysis* 53, no. 1 (2009): 103-122.
- Davies, Glyn. *History of money*. (Cardiff : University of Wales Press, 2010), 27-28.
- England, Catherine, and Craig Fratrick. "Where to bitcoin?." *Journal of Private Enterprise* 33, no. 1 (2018).
- Ghazanfar, S. Mohammad, and Abdul Azim Islahi. "Economic thought of al-Ghazali." *Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdulaziz University* (1997).
- Hosein, Imrān Nazar. *The Gold Dinar & Silver Dirham: Islam and the Future of Money*. Masjid Jāmi'ah, City of San Fernando, 2007.
- Ibn Khaldun. *Al-Muqaddimah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1988).
- Ibn Taymiah, *Majmu'*, *Fatawa Ibn Taimiyah*, (Beirut, Dar al-Fikr, 1998).
- Islahi, Abdul Azim. "An analytical study of al-Ghazali's thought on money and interest." (2001): 1-13.
- Islam, Muhammad Hifdil. "Ibnu Taimiyah and His Concept of Economy." *Iqtishoduna: Jurnal Ekonomi Islam* 5, no. 1 (2016): 15-33.
- Jonker, Jan, and Bartjan Pennink. *The essence of research methodology: A concise guide for master and PhD students in management science*. Springer Science & Business Media, 2010.
- Laldin, Mohamad Akram, and Hafas Furqani. "FinTech and Islamic Finance." *Fintech in Islamic Finance: Theory and Practice* (2019).
- Mahomed, Ziyaad, and Shamsheer Mohamad. "financial Innovation and riding the fintech Wave." (2016).
- Mahomed, Ziyaad. "Crypto mania: the Shariah verdict." (2018).
- Miller, Roger LeRoy, and David D. VanHoose. *Modern money and banking*. (New York: McGraw-Hill College, 1993).

- Monzer Kahf, "Fatawa money exchange, Bitcoin, gold, sarf", diakses 11.9.2022 [http://monzer.kahf.com/fatawa/FATAWA\\_CURRENCIES\\_GOLD\\_COMMODITIES.pdf](http://monzer.kahf.com/fatawa/FATAWA_CURRENCIES_GOLD_COMMODITIES.pdf)
- Monzer Kahf, *Fiscal and monetary policies in an Islamic Economy, Monetary and Fiscal Policy of Islam*, (Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University, 1982): 125-140.
- Nakamoto, Satoshi. "Bitcoin: A peer-to-peer electronic cash system." *Decentralized business review* (2008): 21260.
- Ozиеv, Gapur, and Magomet Yandiev. "Cryptocurrency from Shari'ah perspective." Available at SSRN 3101981 (2017).
- Quoc, Nguyen Anh. "The nature of money." *Linguistics and Culture Review* 5, no. S3 (2021): 619-634.
- Rani, Muhammad Amir Husairi Che, And Ahmad Dahlan Salleh. "Bitcoin: Analisis Mata Wang Maya Menurut Perspektif Siyāsah Shar'iyah." *Journal of Contemporary Islamic Law* 4, no. 1 (2019): 29-40.
- Shapiee, Rohimi, and Anowar Zahid. "Addressing economic meltdown: an evaluation of fiat and credit money from Islamic perspective." *US-China L. Rev.* 11 (2014): 182.
- Shukor, Abdul Rahman A., and Joni Tamkin Borhan. "Konsep Wang dan al-Sarf Menurut Perspektif Syariah." *ALBASIRAH JOURNAL* 7, no. 2 (2017): 69-85.
- Sifat, Imtiaz Mohammad, and Azhar Mohamad. "From metal to paper: validating paper money from Islamic perspective." *International Journal of Ethics and Systems* 34, no. 1 (2018): 2-19.
- Suar, Abi, Meirison Meirison, Elfia Elfia, and Ilda Hayati. "Al Maqrizi's View on Islamic Economy and Its Relevance to Covid-19 Pandemic in Indonesia." *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat* 20, no. 1 (2020): 83-96.
- Wartoyo, Wartoyo, and Alvien Septian Haerisma. "Cryptocurrency in The Perspective of Maqasid Al-Shariah." *Afkaruna: Indonesian Interdisciplinary Journal of Islamic Studies* 18, no. 1 (2022): 110-139.
- Yaakob, Mohd Faiz Mohd, Aliff Nawawi, and Raja Rizal Iskandar Raja Hisham. "Persediaan Institusi Zakat Menggunakan Mata Wang Kripto (Bitcoin)." *Journal website: journal.zakatkedah.com.my*, no. 2 (2019).
- Yusof, Mohd Faiz Mohamed, Joni Tamkin Borhan, and Nurhanani Romli. "Pemikiran ekonomi al-Ghazali dalam teori kewangan (the al-Ghazali economic thought in the financial theory)." *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3, no. 3 (2016).
- Zulkifli, "Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin", laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 24.10.2022, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>